

Tiada layanan istimewa - PM

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** dan **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata tiada 'layanan istimewa' diberikan dalam siasatan kes melibatkan bekas Setiausaha Politik Kanannya, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd. Akin oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah mencampuri sebarang urusan penyiasatan yang dijalankan SPRM, yang diberi ruang sepenuhnya untuk menyiasat dan bertindak tanpa sebarang halangan atau tekanan politik.

"Pegawai itu sudah digari dan memakai baju oren. Banyak kes lebih berat pun tidak digari. Tetapi saya tidak menegur SPRM walau sepatah kerana SPRM bebas. Kalau mahu siasat, siasatlah," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar mendedahkan terdapat surat daripada Kelantan dan Terengganu yang jelas mencadangkan syarikat tertentu diberikan peranan dalam projek-projek tertentu. Surat dari Tereng-



ANWAR Ibrahim berkata. bekas pegawainya itu juga tidak menerima sebarang 'layanan istimewa' SPRM dan kerajaan di bawah pentadbirannya.

ganu itu melibatkan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Luar Bandar negeri berkenaan, manakala dari Kelantan pula membabitkan Exco negeri.

"Ada satu surat yang tertera 'mohon Datuk Seri pertimbang kelulusan ke atas perolehan se-

cara rundingan terus'. Ini tidak boleh. Selain itu, satu lagi surat menyatakan 'pihak kami cadangkan syarikat tersebut sebagai syarikat yang menguruskan projek berkenaan'. Surat ini satu dari Kelantan dan satu dari Terengganu," katanya ketika

menjawab soalan Datuk Mas Ermeyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) yang meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan audit dalaman terhadap pegawai-pegawai Menteri susulan teguran agar pemantau dilakukan terhadap pegawai mereka.

Perdana Menteri menegaskan pemantauan terhadap amalan surat sokongan perlu diteruskan secara ketat selaras dengan pekeliling tatakelakuan, peraturan tata tertib, audit dalaman serta peranan Ketua Audit Negara.

Beliau menekankan bahawa kerajaan tidak pernah berkompromi dalam isu integriti pentadbiran dan menolak sepenuhnya amalan surat sokongan.

"Saya sendiri tidak bersetuju dengan surat sokongan. Dalam kes pegawai di pejabat saya yang mengemukakan enam syarikat untuk dipertimbangkan, tindakan yang sesuai ialah teguran, kerana surat itu hanya meminta pertimbangan, bukan mencadangkan kelulusan," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menyentuh isu melibatkan pegawai di kementerian tersebut sebelum ini yang dikaitkan dengan surat sokongan, sekali lagi menegaskan bahawa integriti pentadbiran adalah keutamaan kerajaan.